

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**  
**KAWASAN : SEKIJANG**  
**TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN : 76**

**SOALAN:**

**Y.B TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kewujudan *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia* (ERIA) dapat membantu menangani krisis ekonomi serantau terutamanya selepas ERIA menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) pada tahun 2014.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1. *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia* atau ERIA telah ditubuhkan pada 3 Jun 2008 selepas mendapat persetujuan daripada Ketua-Ketua Negara / Kerajaan ASEAN pada Sidang Kemuncak Asia Timur (*East Asia Summit – EAS*) Ketiga yang telah diadakan pada tahun 2007.
2. ERIA berfungsi sebagai sebuah institusi penyelidikan bebas yang menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan membuat cadangan dasar bagi integrasi ekonomi di rantau Asia Timur termasuk usaha ASEAN untuk menubuhkan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community – AEC*). ERIA disokong oleh 16 institusi penyelidikan daripada negara-negara anggota ERIA iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kemboja, China, India, Indonesia, Jepun, Korea, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, New Zealand, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam.
3. Ibu pejabat ERIA terletak di Sekretariat ASEAN, Jakarta, Indonesia dan mempunyai lebih daripada 30 kakitangan yang terdiri daripada pelbagai kewarganegaraan. Kerajaan Jepun merupakan tonggak utama

dalam penubuhan ERIA dan telah banyak menyumbang dalam penubuhan dan pentadbiran Ibu Pejabat ERIA.

4. Struktur pentadbiran ERIA terdiri daripada:

(i) Governing Board:

*Governing Board* merupakan badan pembuat keputusan utama di ERIA. Ia dianggotai oleh Setiausaha Agung ASEAN dan wakil daripada 16 negara anggota ERIA yang mempunyai latar belakang dalam bidang akademik, perniagaan dan pembuatan dasar. Pada masa ini, Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

(ii) Majlis Penasihat Akademik (Academic Advisory Council – AAC):

AAC berfungsi untuk memberi nasihat dan sokongan kepada Pengarah Eksekutif ERIA di dalam program kerja tahunan ERIA serta mengkaji dan menilai hasil penyelidikan dan prestasi penyelidik di institusi tersebut. AAC terdiri daripada cendekiawan dan pakar dari universiti, institusi penyelidikan, sektor swasta, pertubuhan antarabangsa dan pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa di kalangan negara anggota

ERIA. Malaysia diwakili oleh penyelidik daripada Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (*Malaysian Institute of Economic Research – MIER*).

(iii) Rangkaian Institusi Penyelidikan (*Research Institute Network – RIN*):

RIN sentiasa menyokong aktiviti penyelidikan ERIA dengan menyediakan maklumat dan hasil penyelidikan dari negara-negara anggota ERIA serta menggalakkan supaya hasil penyelidikan ERIA disalurkan kepada pembuat dasar serta para pemimpin negara. RIN juga sentiasa menyokong program pembinaan keupayaan (*capacity building*) ERIA sejak penubuhannya. Untuk makluman, MIER merupakan salah satu daripada ahli RIN.

Tuan Yang Dipertua,

5. Tugas ERIA dibahagikan kepada tiga bidang utama iaitu:

- (i) kajian dan penyelidikan;
- (ii) penyebaran hasil kajian dan penyelidikan; dan
- (iii) menyediakan cadangan dasar berdasarkan hasil kajian dan penyelidikan.

6. Kajian dan penyelidikan ERIA tertumpu kepada tiga tonggak utama iaitu:

- (i) Pendalaman Integrasi Ekonomi (*Deepening Economic Integration*);
- (ii) Merapatkan Jurang Pembangunan (*Narrowing Development Gaps*); dan
- (iii) Pembangunan Ekonomi Lestari (*Sustainable Economic Development*).

7. Sejak ditubuhkan, ERIA telah menghasilkan lebih daripada 150 penerbitan, kajian dan kertas perbincangan yang melibatkan pelbagai aspek integrasi ekonomi di rantau Asia Timur termasuk ASEAN. ERIA juga terlibat dalam membuat kajian impak ke atas AEC. Antara kertas kajian dan kertas perbincangan ERIA berkenaan AEC adalah seperti:

- (i) *ASEAN Rising: ASEAN and AEC Beyond 2015*;
- (ii) *Non-Tariff Measures in ASEAN*;
- (iii) *The Impact of ASEAN+1 FTAs and use of FTAs in ASEAN*;
- (iv) *ASEAN Public-Private Partnership Guidelines*;
- (v) *ASEAN SME Policy Index 2014 Towards Competitive and Innovative ASEAN SMEs*; dan
- (vi) *ASEAN Economic Community Scorecard Phase I-IV*.

Selain itu, ERIA juga telah menjalankan pelbagai kajian mengenai sektor automotif, tenaga, perhubungan (*connectivity*), merapatkan jurang pembangunan, kewangan dan pembangunan lestari.

8. Bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan oleh ERIA, satu Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding – MoU*) telah ditandatangani di antara ERIA dan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) pada 6 Mei 2014. Memorandum ini bertujuan untuk meningkatkan usahasama di antara kedua-dua institusi dalam menjalankan kajian polisi mengenai isu-isu ekonomi di kalangan negara anggota ERIA.

9. Dengan termeterainya MoU ini, OECD juga secara tidak langsung mengiktiraf kepentingan ERIA dan potensi ekonomi di rantau Asia Timur. Kerjasama di antara ERIA dan OECD ini merangkumi penggubalan dasar untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (*small and medium enterprise – SME*) dan memupuk budaya keusahawanan, meningkatkan pelaburan dalam infrastuktur di rantau Asia Timur melalui kerjasama kerajaan-swasta (*public-private partnership – PPP*), menganalisis perdagangan yang telah ditambah nilai (*value-added*) dan rantaian nilai global (*global value chains*) serta penilaian risiko bencana dan kewangan.

10. Kedua-dua institusi penyelidikan ini sentiasa bekerjasama dalam mempromosikan amalan terbaik (*best practices*) dan pendalaman integrasi ekonomi di ASEAN dan Asia Timur. Kerjasama di antara ERIA dan OECD ini juga telah mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi serantau, terutamanya semasa beberapa negara Asia Timur dilanda bencana dan mengalami ketidakstabilan ekonomi.

11. Hasil-hasil penerbitan, kajian dan kertas perbincangan yang disediakan oleh ERIA amat berguna dalam menentukan dasar-dasar integrasi ekonomi di rantau Asia Timur. Ini juga secara tidak langsung merupakan sumbangan ERIA dalam usaha untuk mengekalkan daya saing ASEAN dalam menangani krisis ekonomi global. Walaupun ERIA merupakan satu institusi penyelidikan bebas, semua negara anggota sentiasa menggunakan sepenuhnya perkhidmatan ERIA untuk menjalankan kajian bagi membantu negara-negara anggota dalam pengubalan dasar-dasar pentadbiran.